	Pej. Kes. Daerah Lundu 94500 Lundu	082 – 735311 (Tel.) 082 – 735055 (Faks)
<b>BAHAGIAN SAMARAHAN</b>	Pej. Kes. Daerah / Bahagian Samarahan	082 – 671670 (Tel.) 082 – 671189 (Faks)
	Pej. Kes. Daerah Serian	082 – 874311 (Tel.)
	Pej. Kes. Daerah Simunjan 94800 Simunjan	082 – (Tel.) 082 – (Faks)

<b>BAHAGIAN SRI AMAN</b>	Pej. Kes. Bahagian Sri Aman	083 – 322151 (Tel.) 083 – 323220 (Faks)
	Pej. Kes. Daerah Lubuk Antu	083 – 322151 (Tel.) 083 – 323220 (Faks)
	Pej. Kes. Daerah Saratok 95400 Saratok	083 – 437379 (Tel.) 083 – 436917 (Faks)
	Pej. Kes. Daerah Betong	083 – 472116 (Tel.)
<b>BAHAGIAN SARIKEI</b>	Pej. Kes. Daerah Meradong / Bintagor	084 – (Tel.) 084 – (Faks)
	Pej. Kes. Bahagian Sarikei	084 – 651086 (Tel.) 084 – 654402 (Faks)
	Pej. Kes. Daerah Daro	084 – 823333(Tel.)
	Pej. Kes. Daerah Julau	084 – 717225 (Tel.)
<b>BAHAGIAN MIRI</b>	Pej. Kes. Bahagian Miri	085 – 424260 (Tel.) 085 – 422234 (Faks)
	Pej. Kes. Daerah Marudi / Baram 98050 Baram	085 – 755511 (Tel.) 084 – 755217 (Faks)
<b>BAHAGIAN SIBU</b>	Pej. Kes. Bahagian Sibu	084 – 315494 (Tel.) 084 – 331492 (Faks)
	Pej. Kes. Daerah Dalat	084 – (Tel.) 084 – (Faks)
	Pej. Kes. Daerah Mukah 96400 Mukah	084 – 823333 (Tel.)
	Pej. Kes. Daerah Kanowit 96700 Kanowit	084 – 752333 (Tel.) 084 – 691205 (Faks)



<b>BAHAGIAN SRI KAPIT</b>	Pej. Kes. Bahagian Kapit	084 – 796404 (Tel.) 084 – 796477 (Faks)
	Pej. Kes. Daerah Song	084 – (Tel.) 084 – (Faks)
	Pej. Kes. Daerah Belaga	084 – 461323 (Tel.) 084 – (Faks)
<b>BAHAGIAN BINTULU</b>	Pej. Kes. Bahagian Bintulu	084 – 331814 (Tel.) 084 – 339094 (Faks)
	Pej. Kes. Tatau	084 – (Tel.) 084 – (Faks)
<b>BAHAGIAN LIMBANG</b>	Pej. Kes. Bahagian Limbang	085 – 211046 / 166 (Tel.) 085 – 213294 (Faks)
	Pej. Kes. Daerah Lawas 98850 Lawas	085 – 284807 (Tel.) 084 – 285993 (Faks)
<b>SABAH</b>	Pejabat Kesihatan Negeri Tingkat 1, Rumah Persekutuan, Jalan Mat Salleh, 88814 Kota Kinabalu	088 – 232277 (Tel.) 088 – 217716 (Faks) 088 – 217740 (Faks)
<b>KAWASAN KOTA KINABALU</b>	Pej. Kes. Daerah Kota Kinabalu Tkt. 9, Blok D, Bangunan KWSP, 88000 KK	088 – 260845 (Tel.) 088 – 726329 (Faks)
	Pej. Kes. Daerah Papar	088 – (Tel.) 088 – (Faks)
	Pej. Kes. Daerah Penampang	088 – (Tel.) 088 – (Faks)
	Pej. Kes. Daerah Kunak	088 – (Tel.) 088 – (Faks)
<b>KAWASAN KUDAT</b>	Pej. Kes. Daerah Kudat Beg Berkunci No. 6, 89057 Kudat	088 – 611581 (Tel.) 088 – (Faks)

	Pej. Kes. Daerah Pitas	088 – (Tel.) 088 – (Faks)
	Pej. Kes. Daerah Kota Marudu	088 – (Tel.) 088 – (Faks)
<b>KAWASAN TUARAN</b>	Pej. Kes. Daerah Tuaran WDT 10, Peti Surat No. 620, 89208 Tuaran	088 – 787355 (Tel.) 088 – 788795 (Faks)
	Pej. Kes. Daerah Ranau, Peti Surat 32, 89307 Ranau	088 – 877169 (Tel.) 088 – (Faks)
	Pej. Kes. Daerah Kota Belud 89150 Kota Belud	088 – 976513 (Tel.) 088 – (Faks)
	Pej. Kes. Daerah Kinabatangan, Wdt. No. 40, 90200 K. Kinabatangan	088 – 561975 (Tel.) 088 – (Faks)
<b>KAWASAN BEAUFORT</b>	Pej. Kes. Daerah Beaufort, Peti Surat 101, 89807 Beaufort	087 – 212096 / 120 (Tel.) 087 – 212095 (Faks)
	Pej. Kes. Daerah Kuala Penyu	088 – (Tel.) 088 – (Faks)
	Pej. Kes. Daerah Sipitang	088 – (Tel.) 088 – (Faks)
<b>KAWASAN LAHAD DATU</b>	Pej. Kes. Daerah Labuan Peti Surat No. 80832, 87018 W.P. Labuan	087 – 411702 (Tel.) 087 – 419011 (Faks)
	Pej. Kes. Daerah Lahad Datu Peti Surat 61167, 91120 Lahad Datu	089 – 882178 (Tel.) 088 – (Faks)
<b>KAWASAN KENINGAU</b>	Pej. Kes. Daerah Keningau Peti Surat No. 94, 89000 Keningau	087 – 333725 (Tel.) 087 – 332969 (Faks)
	Pej. Kes. Daerah Tambunan	087 – (Tel.) 087 – (Faks)

	Pej. Kes. Daerah Tenom	087 – (Tel.) 087 – (Faks)
	Pej. Kes. Daerah Beluran / Labuk Sugut, Beg Berkunci No. 2, 90109 Beluran.	089 – 511122 (Tel.) 088 – (Faks)
	Pej. Kes. Daerah Saandakan, Tkt. 6, Bangunan Persekutuan, Beg Berkunci No. 4, 90500 Sandakan	089 – 668806 / 8 (Tel.) 088 – (Faks)
	Pej. Kes. Daerah Semporna Peti Surat 80, 91307 Semporna, Sabah	088 – 781070 (Tel.) 088 – (Faks)
	Pej. Kes. Daerah Tawau Tkt. 7, Wisma Persekutuan, Peti Surat No. 900, 91008 Tawau.	089 – 775733 (Tel.) 089 – 776079 (Faks)

**PENGAWASAN TADIKA / TABIKA / PRASEKOLAH / PASTI /  
TASKA / TASKI / NURSERI /**

Sila tandakan (√) dalam petak yang berkenaan.

**BUTIRAN PREMIS**

Nama premis: \_\_\_\_\_

Kategori

Taska / Taski / nurseri	<input type="checkbox"/>
Tadika Perpaduan	<input type="checkbox"/>
Tabika KEMAS	<input type="checkbox"/>
Pra-sekolah	<input type="checkbox"/>
Pasti	<input type="checkbox"/>

Alamat: \_\_\_\_\_

Mukim: \_\_\_\_\_

Daerah: \_\_\_\_\_

Negeri: \_\_\_\_\_

Tel.: \_\_\_\_\_

No. Pendaftaran Premis / Lesen: \_\_\_\_\_

Lokasi premis: X \_\_\_\_\_

Y \_\_\_\_\_

Nama pengusaha / pengurus / guru: \_\_\_\_\_

Alamat: \_\_\_\_\_

Tel: \_\_\_\_\_

Status premis:

Kerajaan       Swasta

Jenis premis

<input type="checkbox"/>	Rumah teres setingkat
<input type="checkbox"/>	Rumah teres dua tingkat
<input type="checkbox"/>	Rumah berkembar dua
<input type="checkbox"/>	Rumah banglo
<input type="checkbox"/>	Rumah kedai
<input type="checkbox"/>	Balai raya
<input type="checkbox"/>	Lain-lain (nyatakan):

Dibuat dari  Konkrit

Kayu

Keluasan lantai : \_\_\_\_\_ meter persegi

Kedudukan premis

<input type="checkbox"/>	Taman perumahan
<input type="checkbox"/>	Kawasan perindustrian
<input type="checkbox"/>	Kawasan pejabat
<input type="checkbox"/>	Lain-lain, nyatakan:

## KAPASITI

Bilangan pengasuh / guru : \_\_\_\_\_ orang  
(rujuk lampiran A)

Enrolmen kanak-kanak: \_\_\_\_\_ orang

Bilangan kanak-kanak berumur

≤ 1 tahun	_____ orang
2 tahun	_____ orang
3 tahun	_____ orang
4 thn	_____ orang
5 thn	_____ orang
6 thn	_____ orang

Pengasingan kanak-kanak mengikut umur  Ya  Tidak

Jumlah kehadiran \_\_\_\_\_ orang (semasa pemeriksaan)

Saringan kesihatan kanak-kanak setiap pagi (periksa rekod saringan)

Ada  Tiada

## PERSEKITARAN LUAR PREMIS

Pengurusan pelupusan sampah

Diurus oleh PBT Sempurna/tak/keadaa  
n/ulasan  
 Diurus sendiri, nyatakan cara : \_\_\_\_\_

Urungan lalat  Ada  Tiada

Nyatakan tempat urungan :

Kacauganggu bau  Ada  Tiada

Nyatakan punca bau:

Perparitan Ada  Tiada

Jika ada, nyatakan:

Aliran air	<input type="checkbox"/> Bertakung	<input type="checkbox"/> Mengalir
Bertutup	<input type="checkbox"/> Ya	<input type="checkbox"/> Tidak
Jenis	<input type="checkbox"/> Konkrit	<input type="checkbox"/> Tanah
Bersih	<input type="checkbox"/> Ya	<input type="checkbox"/> Tidak

Terdapat 'sand play'  Ada  Tiada

Jika ada,  Bersih  Kotor

Terdapat kolam renang  Ada  Tiada  
 Jika ada pH : \_\_\_\_\_ (standard : 7.2 – 8.4)  
 Klorin : \_\_\_\_\_ (Standard: > 1.0 mg/l - < 30 mg /l)  
 E. coli : \_\_\_\_\_ (Standard: < 10 coliform/100 ml / < 200 bact /ml)

Terdapat taman permainan  Ada  Tiada  
 Jika ada,   
 peralatan  Selamat  Tidak selamat  
 persekitaran  Selamat  Tidak selamat

## PERSEKITARAN DALAMAN PREMIS

Kesesuaian ruang lantai : \_\_\_\_\_ meter persegi (semua permukaan lantai dalaman)  
 (standard: 3.5 meter persegi / kanak-kanak)

Jenis lantai, sila nyatakan : (simen, berjubin, kayu, \_\_\_\_\_)

Selamat Ya Tidak

Bersih Ya tidak

Pengudaraan :

Semulajadi : mencukupi tidak mencukupi, nyatakan

Mekanikal : mencukupi tidak mencukupi, nyatakan

Suhu bilik : \_\_\_\_\_ 0 C

Kelembapan : \_\_\_\_\_

Pencahayaan (guna LUX meter) : \_\_\_\_\_ (standard : 300 lux)

Kotak pertolongan cemas (*first aid box*)

Ada

Tiada

Lengkap

Tidak lengkap

Bilik Pengasingan khas diperuntukkan (*sick bay/isolation*)

Ada

Tiada

Jadual disinfeksi

Ada

Tiada

Jika ada, \_\_\_\_\_ kali sehari

## BARANGAN KANAK-KANAK

Pengendalian barangan peribadi kanak-kanak

	Berkongsi	Tidak berkongsi
Tuala		
Botol susu		
Berus gigi		
Sikat		
Cawan		

Bantal		
Selimut		
Cadar		

	Dicuci-rebus	Tidak dicucirebus
Tuala		
Botol susu		

Tilam

<input type="checkbox"/> Ada	<input type="checkbox"/> Tiada	
Jika ada, jenis	<input type="checkbox"/> PVC	
	<input type="checkbox"/> Kekabu / kapas	
Kebersihan	<input type="checkbox"/> Ya	<input type="checkbox"/> Tidak, nyatakan:
Penjagaan	<input type="checkbox"/> Dijemur	<input type="checkbox"/> Tidak dijemur

Alat mainan

Berkongsi	<input type="checkbox"/> Ya	<input type="checkbox"/> Tidak
Bersih	<input type="checkbox"/> Ya	<input type="checkbox"/> Tidak
Selamat	<input type="checkbox"/> Ya	<input type="checkbox"/> Tidak, nyatakan
Bercat	<input type="checkbox"/> Ya	<input type="checkbox"/> Tidak

### KEMUDAHAN SANITARI

Bilangan sinki cuci tangan: \_\_\_\_\_

Di sinki

<input type="checkbox"/> Ada sabun	<input type="checkbox"/> Tiada sabun
<input type="checkbox"/> Aliran air mencukupi	<input type="checkbox"/> Aliran air tidak mencukupi
<input type="checkbox"/> Bersih	<input type="checkbox"/> Kotor

Kertas tisu

<input type="checkbox"/> Ada	<input type="checkbox"/> Tiada
------------------------------	--------------------------------

Bakul sampah

<input type="checkbox"/> Ada,	<input type="checkbox"/> Tiada bakul sampah	
Jika ada	<input type="checkbox"/> Sesuai	<input type="checkbox"/> Tidak sesuai, nyatakan
	<input type="checkbox"/> Beralas plastik di dalamnya	<input type="checkbox"/> Tiada beralas plastik

Bilangan tandas: \_\_\_\_\_

(Standard: 1 Tandas: 10 Orang kanak-kanak – TASKA  
1 Tandas 50 Orang Kanak-kanak – TADIKA)

Tandas :

Jenis tandas	<input type="checkbox"/> Pam	<input type="checkbox"/> Curah
--------------	------------------------------	--------------------------------

Lantai	<input type="checkbox"/>	Licin	<input type="checkbox"/>	Tidak licin
Bersih	<input type="checkbox"/>	Ya	<input type="checkbox"/>	Tidak
Sabun basuh tangan	<input type="checkbox"/>	Ada	<input type="checkbox"/>	Tiada
Aliran air	<input type="checkbox"/>	Cukup	<input type="checkbox"/>	Tidak mencukupi
"Potty chair" (jika ada)	<input type="checkbox"/>	Bersih	<input type="checkbox"/>	Kotor
Selipar	<input type="checkbox"/>	Ada	<input type="checkbox"/>	Tiada
Longgokan pakaian di atas lantai	<input type="checkbox"/>	Ada	<input type="checkbox"/>	Tiada

Kekerapan mencuci : \_\_\_\_\_ kali sehari

Disinfeksi berjadual

Ada       Tiada

Jika ada

1 kali sehari

2 kali sehari

3 kali seminggu

1 kali seminggu

<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>

Kebersihan tandas

Memuaskan       Tidak memuaskan

Pengendalian lampin pakai buang

<input type="checkbox"/>	Tong Sampah Khusus
<input type="checkbox"/>	Tong Sampah Tidak Khusus
<input type="checkbox"/>	Komunial Bin
<input type="checkbox"/>	Tanam
<input type="checkbox"/>	Bakar
<input type="checkbox"/>	Lain-lain ..... (nyatakan)

Bekalan air:

Punca: \_\_\_\_\_

Air dirawat  Ya       Tidak

## DAPUR

Dapur :

Lantai	<input type="checkbox"/>	Basah	<input type="checkbox"/>	Kering
	<input type="checkbox"/>	Licin	<input type="checkbox"/>	Kesat
Sinki	<input type="checkbox"/>	Ada	<input type="checkbox"/>	Tiada
	<input type="checkbox"/>	Ada sabun pencuci	<input type="checkbox"/>	Tiada sabun pencuci
Almari penyimpanan makanan masak	<input type="checkbox"/>	Ada	<input type="checkbox"/>	Tiada
	<input type="checkbox"/>	Bersih	<input type="checkbox"/>	Kotor
Tong sampah	<input type="checkbox"/>	Ada	<input type="checkbox"/>	Tiada
	<input type="checkbox"/>	Berlapik plastik	<input type="checkbox"/>	Tidak berlapik plastik



Kawalan LILATI

Ada

Tiada

Sumber makanan :

- Masak di premis  
 Pesanan dari luar (caterer / kontrak)  
 Dibeli di luar

Jika pesanan di luar,

Nama caterer : \_\_\_\_\_

Alamat caterer : \_\_\_\_\_

No. telefon : \_\_\_\_\_

Penyimpanan makanan :

Peti sejuk  Ada

Tiada

Cara penyimpanan  Memuaskan

Tidak memuaskan, nyatakan;

Suhu penyimpanan  Mematuhi

Tidak mematuhi

Stor penyimpanan makanan mentah :

Ada

Tiada

Bersih

Kotor

Kalis LILATI

Tidak kalis LILATI

## SEJARAH KEJADIAN / WABAK PENYAKIT BERJANGKIT DI PREMIS

Jenis penyakit	Ada	Tiada (√)	Nyatakan tarikh episod terakhir
HFMD			
Denggi			
FWBD			
Lain-lain, nyatakan:			

## **ULASAN KESELURUHAN**

Tarikh pemeriksaan : \_\_\_\_\_

Nama pemeriksa : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

Tempat bertugas : \_\_\_\_\_

## **ULASAN PEGAWAI KESIHATAN DAERAH**



# **GARISPANDUAN PENGENDALIAN KANAK-KANAK DI TASKA DAN PRASEKOLAH**

*Diselaraskan oleh:*

**Bahagian Kawalan Penyakit  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

*Julai 2007*

# **BAB 1**

## **MENJAGA KEBERSIHAN BAYI, KANAK-KANAK, TASKA DAN PRA-SEKOLAH**

### **MATLAMAT**

Garis panduan ini adalah panduan kepada pengasuh di pusat jagaan dan bimbingan kanak-kanak memastikan kebersihan bayi, kanak-kanak dan persekitaran TASKA dan pra-sekolah yang optimum; bagi menyokong pertumbuhan dan perkembangan menyeluruh kanak-kanak.

## **1.0 PENGENALAN**

Kebersihan selalunya dikaitkan dengan kesihatan. Kebersihan penting untuk semua orang terutamanya kanak-kanak kerana kesihatan yang sempurna akan menghindarkan mereka dari jangkitan penyakit. Di samping itu, mereka dapat melalui perkembangan yang sempurna dari segi rohani dan jasmani.

## **2.0 DEFINISI**

### **2.1 Bersih bermakna**

- 2.1 Bebas dari sebarang kotoran, kuman atau serangga perosak yang boleh mengganggu kesihatan.
- 2.2 Berkeadaan kemas, ceria dan selesa di pandang.
- 2.3 Tiada bau yang kurang menyenangkan

## **3.0 KEBERSIHAN BAYI**

### **3.1 Persiapan sebelum mandi**

Sediakan barang-barang seperti berikut:-

#### **3.1.1 Di sebelah kanan**

- a. Tempat yang beralas dan selesa untuk meletak bayi
- b. Tuala kecil yang lembut
- c. Tuala besar
- d. Sabun dan syampu
- e. Kapas
- f. Bedak, lampin, baju, seluar dan pin penyemat

#### **3.1.2 Di sebelah kiri**

- a. Besen besar
- b. Besen kecil untuk membasuh rambut

#### **3.1.3 Penyediaan air mandi**

Tuangkan air sejuk ke dalam besen besar, suamkan dengan air panas. Rasa kepanasan air dengan siku atau belakang tapak tangan (gunakan cara yang sama untuk besen kecil). Basuh tangan anda dengan bersih sebelum memandikan bayi.

## **3.2 Cara memandikan bayi**

- 3.2.1 Bawa bayi ke tempat mandi. Letakkan di atas tempat yang beralas yang disediakan. Tanggalkan pakaian. Balut tubuh bayi dengan tuala besar.
- 3.2.2 Lembapkan kapas, bersihkan matanya dari arah hidung ke hujung mata kiri dan kanan. Gunakan kapas untuk sekali guna sahaja.
- 3.2.3 Bersihkan telinga dan hidung dengan kapas lembap yang baru.
- 3.2.4 Bersihkan muka dengan tuala kecil yang lembap. Kemudian, lap dengan tuala kering.
- 3.2.5 Ampu kepala bayi dengan tangan kiri mengarah ke besen. Basahkan rambut bayi.
- 3.2.6 Syampu rambutnya perlahan-lahan. Gunakan tuala kecil untuk membersihkan lebih syampu. Jangan guna kuku untuk mencuci kepala bayi
- 3.2.7 Bilas rambut dengan air hingga kesan syampu hilang.
- 3.2.8 Lap rambut hingga kering dengan sebahagian dari tuala yang membalut tubuhnya.
- 3.2.9 Tanggalkan tuala dari tubuh bayi.
- 3.2.10 Sokong kepala bayi dengan tangan kiri, pegang kuat di bawah ketiak kirinya terlebih dahulu.
- 3.2.11 Masukkan bayi perlahan-lahan ke dalam besen dengan memasukkan kakinya terlebih dahulu. Elakkan air masuk ke dalam telinga dengan menutup lubang telinga menggunakan ibu jari dan jari manis.
- 3.2.12 Basuhkan badan, sabun dan bersihkan di pelipat dan ketiak serta seluruh badan. Bilas dengan air sehingga bersih.
- 3.2.13 Untuk memandikan bahagian belakang badan dan punggung, sokong bahagian depan dengan tangan kanan anda dan pegang kuat di bawah ketiak kirinya.
- 3.2.14 Bila selesai, angkat perlahan-lahan dari besen dan letakkan bayi ke atas tuala kering.
- 3.2.15 Lap badan terutama di pelipat peha dan ketiak. Sapukan losyen atau minyak bayi ke seluruh badannya. Urutan dapat meransang bayi.
- 3.2.16 Pakaikan baju, lampin dan seluar.

**Nota:**

Bercakap dan bermesralah dengan bayi semasa dia dimandikan. Biarkan bayi menepuk air di dalam besen seketika. Berikan alat permainan jenis plastik kepada bayi semasa mandi.

**3.3 Menukar lampin bayi**

Lampin perlulah ditukar dengan segera apabila basah. Ini adalah untuk mengelakkan dari mendapat ruam lampin atau lain-lain penyakit kulit.

Jika menggunakan lampin pakai buang, lampin mesti sesuai dengan saiz bayi. Pastikan lampin pakai buang yang telah digunakan dibuang di tong sampah yang bertutup dan diuruskan dengan betul.

Jangan pakai lampin terlalu ketat. Lampin kain adalah lebih baik dari lampin pakai buang.

**3.4 Persediaan menukar lampin**

- 3.4.1 Sediakan tempat sesuai untuk menukar lampin. Tutup kipas angin sementara menukar lampin untuk mengelakkan bayi atau kanak-kanak dari kesejukan
- 3.4.2 Pilih tempat yang mempunyai pengudaraan dan pencahayaan yang elok.
- 3.4.3 Aturkan semua keperluan supaya mudah diambil atau digunakan. Elakkan peralatan dari mudah dicapai dari bayi.

Keperluan adalah seperti berikut:-

- a. Alas pelapik yang mudah dicuci.
- b. Lampin bersih yang siap dilipat.
- c. Tuala kecil, kapas, sebesen air.
- d. Losyen / minyak bayi.
- e. Seluar, baju, pin penyemat.
- f. Bekas menyimpan lampin kotor.
- g. Bekas membuang kotoran.

**3.5 Cara menukar lampin**

- 3.5.1 Letakkan bayi di atas alas / pelapik. Jangan tinggalkan bayi sendirian. Tanggalkan lampin kotor dan masukkan ke dalam bekas yang telah disediakan.

- 3.5.2 Bersihkan semua bahagian yang terkena najis dengan kapas lembap. Lap dari bahagian pinggang mengarah ke bawah punggung dan bukan sebaliknya.
- 3.5.3 Untuk bayi yang lebih besar, basuh dengan air bersih.
- 3.5.4 Lap hingga kering.
- 3.5.5 Jika perlu sapukan losyen bayi ke bahagian yang telah dibersihkan.
- 3.5.6 Pakaikan lampin dan sematkan pin dengan menggunakan jari sebagai pengadang tubuh bayi bagi mengelakkan bayi dari tercucuk pin.
- 3.5.7 Pakaikan seluar dan baju. Bawa bayi ke tempat tidur atau tempat bermain.

**Nota:**

- a. Bercakap kepada bayi semasa lampin ditukar. Elakkan dari memarahi bayi.
- b. Jika bayi mengeliat semasa lampin ditukar, berikan barang permainan seperti kelentong untuk menarik perhatiannya.
- c. Patikan anda membasuh tangan setiap kali selepas menukarkan lampin bayi sebelum mengendalikan bayi atau kanak-kanak lain; atau sebelum membuat sebarang pekerjaan lain.
- d. Pastikan lampin pakai buang dibuang ke dalam tong sampah yang bertutup.

#### **4.0 KEBERSIHAN KANAK-KANAK**

- 4.1 Kanak-kanak boleh digalakkan mengamalkan kebersihan, khasnya semasa melakukan aktiviti lazim. Kanak-kanak berumur 1 hingga 3 tahun memahami dan mengikut arahan mudah. Kanak-kanak 1 hingga 3 tahun perlu dibantu oleh pengasuh tetapi kanak-kanak 3 hingga 4 tahun boleh melakukan dengan sendiri.
  - a. mencuci muka, berus gigi selepas bangun dari tidur dan selepas makan.
  - b. mencuci tangan dan kaki selepas bermain di luar.
  - c. mencuci tangan sebelum dan selepas makan.
  - d. mencuci tangan dan kaki selepas menjalankan aktiviti khasnya aktiviti main pasir / air / *play doh* dan sebagainya.
- 4.2 Semasa memandikan kanak-kanak, elakkan dari menjirus air terus ke atas kepala



- 4.3 Adalah penting pakaian dan kasut kanak-kanak sentiasa dalam keadaan bersih dan kemas. Pengasuh harus menggalakkan kanak-kanak memberi kepentingan kepada amalan kebersihan diri dan pakaian. Melalui pelbagai aktiviti di TASKA dan kelakuan para pengasuh sendiri, pengasuh dapat mengujudkan kesedaran dan minat di kalangan kanak-kanak untuk sentiasa kelihatan bersih dan kemas. Kanak-kanak mendapat peluang untuk bercerita dan memberitahu kepentingan menjaga kebersihan diri.
- 4.4 Pengasuh perlu melatih kanak-kanak cara mandi dan mengosok gigi yang betul.
- 4.5 'Toilet Training' atau latihan menggunakan tandas perlu dimulakan seawal usia.
- 4.6 Pengasuh perlu melatih kanak-kanak memakai pakaian, menggunakan sikat rambut dan memotong kuku dengan betul.
- 4.7 Pastikan kanak-kanak tidak berkongsi sebarang peralatan peribadi seperti sikat, berus gigi dan tuala.

## **5.0 KEBERSIHAN BANGUNAN TASKA**

- 5.1 Kawasan di dalam dan di luar bangunan mestilah bebas dari serangga, makhluk perosak dan haiwan peliharaan, serta bersih dari sampah sarap.
- 5.2 Kawasan di luar bangunan mestilah bersih dan bebas dari lalang, tumbuhan berduri atau beracun.
- 5.3 Pastikan longkang sentiasa bersih dan tiada air bertakung. Longkang hendaklah bertutup bagi mengelakkan sebarang kemalangan.
- 5.4 Sediakan bekas untuk membuang sampah yang bertutup di dalam dan di luar bangunan.
- 5.5 Jika ada kolam atau sebarang takungan air, tempat itu hendaklah dipagar. Jika menggunakan kolam mandi plastik, buang air selepas setiap kali digunakan.

## **6.0 AMALAN KEBERSIHAN DI TASKA**

Kanak-kanak mungkin akan dapat penyakit jika sesebuah TASKA itu tidak bersih. Amalkan kebersihan TASKA setiap masa.

- 6.1 Amalkan tabiat membasuh tangan sebelum dan selepas makan, dan selepas menggunakan tandas.

- 6.2 Bersihkan semua pinggan, mangkuk, cawan, sudu dan lain-lain sebelum dan selepas makan.
- 6.3 Bersihkan dapur untuk menghindar dari lipas, tikus dan lain-lain serangga .
- 6.4 Bersihkan bilik air dan tandas. Elakkan air bertakung untuk mengelakkan pembiakan nyamuk.
- 6.5 Pastikan kawasan bersih bebas dari sampah sarap. Ini adalah untuk menghindarkan dari lalat dan serangga perosak.
- 6.6 Potong rumput yang panjang untuk mengelakkan ular.
- 6.7 Mop lantai dengan segera setiap kali ada tumpahan atau lantai basah. Lap habuk pada tingkap supaya tidak kotor dan selamat untuk kanak-kanak menjalankan aktiviti.
- 6.8 Bersihkan longkang dan pastikan air tidak bertakung. Pastikan longkang bertutup.
- 6.9 Bersihkan semua alat kelengkapan termasuk barang permainan kanak-kanak selepas setiap kali digunakan.
- 6.10 Cuci peti sejuk dan almari dapur sekurang-kurangnya seminggu sekali.
- 6.11 Basuh sarung bantal, alas tilam dan selimut serta kain tuala selepas setiap kali digunakan
- 6.12 Jemur bantal, tilam, tikar dan selimut.

**Nota:**

Binatang peliharaan seperti kucing dan anjing adalah tidak dibenarkan berada di sekitar kawasan TASKA.

Jangan gunakan lingkaran ubat nyamuk bagi mencegah dari sebarang kejadian kebakaran.

## **7.0 PERUNTUKAN AKTA DAN PERATURAN TASKA**

### **7.1 Peraturan 25 (1a,b)**

Tiap-tiap Taman hendaklah mengadakan sekurang-kurangnya satu tandas bagi sepuluh orang kanak-kanak dan kemudian tandas serta persediaan kebersihan hendaklah:-

- a. Pada setiap masa disimpan dalam keadaan bersih dan;
- b. Tidak digunakan bagi apa-apa maksud lain.

## **7.2 Peruntukan 26**

Suatu bekalan air yang cukup dan bersih dan bersih hendaklah diadakan di premis tiap-tiap taman.

## **7.3 Peraturan 27**

Tiap-tiap taman hendaklah dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan membasuh dan mencuci pakaian, bilik salinan dan bilik mandi bagi kanak-kanak dan pekerja-pekerja.

Katil kanak-kanak, katil beradang, katil dan alatan tempat tidur hendaklah sesuai jenisnya dan rekabentuknya. Boleh dibasuh dan selenggarakan dalam keadaan bersih, dan peralatan tempat tidur bagi tiap-tiap orang kanak-kanak hendaklah disimpan dan distor dalam keadaan yang bersih.

## **8.0 KESIMPULAN**

Kebersihan bagi kanak-kanak dan TASKA adalah amat penting dalam menjamin kesihatan kanak-kanak. Pengaruh harus memberi perhatian yang rapi terhadap menjaga mutu kebersihan di TASKA untuk menentukan kanak-kanak di TASKA sentiasa sihat dan ceria,.

## **BAB 2**

### **Garis Panduan Pengendalian Pusat Asuhan dan Pusat Bimbingan Kanak-kanak Bagi mencegah Penularan Penyakit Berjangkit termasuk HFMD**

#### **Objektif Khusus**

1. Pengendali boleh menyaring penyakit berjangkit di kalangan kanak-kanak di bawah jagaan bagi mengenalpasti mereka yang berjangkit.
2. Pengendali tahu langkah-langkah pencegahan awal yang berpatutan yang perlu diambil.

## 1.0 PENGENALAN

Pusat asuhan dan pusat bimbingan kanak-kanak adalah tempat perkumpulan kanak-kanak di bawah umur 7 tahun. Terdapat berbagai jenis premis berkenaan, beroperasi di bawah kelolaan kerajaan mahupun swasta. Premis yang dikendalikan oleh kerajaan adalah:

---

JENIS	BIDANG KUASA	PENGOPERASIAN
Taska: untuk yang berumur 0 - 4 tahun dan ke bawah	Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	Premis dikendalikan oleh individu / syarikat.  Lesen dikeluarkan setiap tahun selepas diberi kelulusan oleh Jabatan Bomba, Jabatan Kesihatan dan Kerajaan Tempatan.  Ia tertakluk di bawah Akta Pusat Asuhan dan Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1984.  Pengasuh hendaklah menjalani latihan kursus asas asuhan kanak-kanak (31 modul dengan satu modul berhubung dengan kesihatan) dan mendapat kelulusan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat.
Tabika: untuk kanak-kanak berumur 4 ke 6 tahun	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Jabatan Perdana Menteri	Tidak memerlukan lesen untuk beroperasi.  Ia dikendalikan oleh kakitangan yang dilantik oleh Jabatan ini.  Ia tertakluk di bawah Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).
Pusat Pendidikan Awal (Pra-sekolah)	Kementerian Pelajaran Malaysia	Tidak memerlukan lesen untuk beroperasi. Premis terletak di dalam kawasan sekolah.  Ia dikendalikan oleh kakitangan yang dilantik oleh Kementerian ini.  Ia tertakluk di bawah Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).

---

Premis ini merupakan tempat yang mudah penyakit berjangkit menular jika kebersihan persekitaran dan kanak-kanak tidak dijaga. Keadaan ini disebabkan oleh kanak-kanak adalah kumpulan yang rentan kepada jangkitan kerana tiada atau kurang daya tahan diri berbanding dengan orang dewasa.

## **2.0 PENYAKIT BERJANGKIT YANG MUDAH MENULAR**

Kanak-kanak sangat rentan atau mudah mendapat jangkitan. Mereka belum pernah terdedah kepada banyak jenis kuman. Maka, ketahanan tubuh mereka melalui antibodi belum terbentuk lagi. Selain dari itu, aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh kanak-kanak menyebabkan mereka lebih terdedah kepada kuman, berbanding dengan orang dewasa.

Penyakit berjangkit boleh disebabkan oleh kuman seperti virus, bakteria atau parasit. Kuman-kuman tersebut boleh disebarkan melalui makanan dan minuman, sentuhan, pernafasan, peralatan seperti mainan, sudu garpu dan tuala, serangga seperti nyamuk, dan haiwan seperti tikus. Senarai penyakit berjangkit yang lazim menular di kalangan kanak-kanak seperti di Lampiran 1 (cara penyebaran penyakit berjangkit di kalangan kanak-kanak ) dan Lampiran 2 (Senarai penyakit berjangkit yang lazim menular di kalangan kanak-kanak).

## **3.0 LANGKAH PENCEGAHAN PENULARAN**

### **3.1 Penjagaan Kebersihan Persekitaran**

Penjagaan kebersihan persekitaran amat penting bagi memastikan kesihatan dan keselamatan kanak-kanak dan juga pengendalian pusat jagaan ini. Salah satu langkah yang paling penting ialah mengurangkan jumlah kuman di premis. Membersihkan lantai premis, mainan kanak-kanak dan pakaian / kainan menggunakan sabun adalah tidak mencukupi. Cucikuman dengan larutan bancuhan *chlorox* yang betul dapat membunuh kuman. Sila rujuk lampiran 3. *Chlorox* adalah pembasmikuman yang paling mudah diperolehi di pasaran.

Kajian menunjukkan bahawa tombol pintu dan kepala paip mempunyai kontaminasi kuman yang tinggi. Manakala permukaan yang kerap disentuh oleh kanak-kanak yang memakai lampin atau kanak-kanak dengan air liur yang sentiasa terkeluar hendaklah juga didisinfeksi. Ia hendaklah didisinfeksi sekurang-kurangnya sekali sehari; atau apabila ia kelihatan tercemar. Cuci dahulu dengan sabun dan air; diikuti dengan campuran *chlorox* 0.05 %. Setelah kering (anggaran dalam tempoh 10 minit), lap dengan tuala yang dilembapkan.

Pastikan tandas sentiasa dalam keadaan bersih. Jangan biarkan pakaian atau lampin bersepah-sepah di dalam tandas kerana ia boleh menyebabkan pencemaran dan pencemaran lintang. Pastikan lampin pakai buang dibuang ke dalam tong sampah yang bertutup bagi mengelakkan ia dihurung lalat.

Elakkan dari menyediakan makanan di kawasan berhampiran tandas. Penyimpanan makanan mentah di dalam almari hendaklah dilakukan dengan baik bagi mengelakkan dari serangan haiwan kacau ganggu terutama tikus. Manakala penyimpanan makanan dalam peti ais hendaklah dilakukan dengan betul bagi mengelakkan kontaminasi lintang (*cross contamination*) dengan makanan yang sedia di makan (*ready to eat food*).

Pastikan penyediaan makanan dibuat dengan betul dan bersih. Pastikan makanan / susu dihidangkan atau diberi terus kepada kanak-kanak selepas disediakan. Penyimpanan melebihi 4 jam dan dalam keadaan yang tidak sempurna boleh menyebabkan kuman membiak di dalam makanan / susu.

Pengendali makanan perlu mendapatkan suntikan Tifoid dan telah mengikuti kursus pengendalian makanan. Sentiasa pastikan pengendali makanan tidak menghidap sebarang penyakit yang boleh direbakkan melalui penyediaan makanan dan minuman; seperti cirit-birit, kudis dan luka di tangan dan sakit tekak.

Jangan benarkan haiwan berada di premis. Bulu dari kucing atau anjing boleh menyebabkan alahan kepada kanak-kanak tertentu. Haiwan yang tidak dijaga dengan baik atau tidak diberi rawatan tertentu boleh merebakkan kuman kepada manusia.

### **3.2 Penjagaan Kebersihan Kanak-kanak**

Seperti di Bab 1.

Pengendali dan kanak-kanak hendaklah dilatih membersihkan tangan menggunakan kaedah yang betul. Maklumat di lampiran 4 boleh dijadikan panduan.

### **3.3 Suntikan imunisasi**

Jadual imunisasi kanak-kanak di Malaysia adalah seperti di lampiran 5. Maklumat imunisasi hendaklah dikemaskinikan dan ibubapa diingatkan agar melengkapkan imunisasi anak-anak mereka mengikut jadual tersebut.

### 3.4 Penyaringan kanak-kanak

Saringan dilaksanakan di bilik saringan atau di ruang khas yang disediakan. Adalah lebih baik jika saringan dapat dibuat sebelum kanak-kanak masuk ke premis bagi memudahkan langkah kawalan seterusnya dilakukan.

Premis digalakkan untuk mengujudkan satu bilik isolasi atau pengasingan, iaitu bilik bagi menempatkan kanak-kanak dengan gejala penyakit berjangkit sementara menunggu ibubapa atau penjaga mengambil mereka. Ia bertujuan untuk menghalang kanak-kanak berpenyakit dari bercampur dengan kanak-kanak lain dan berkemungkinan akan menyebarkan penyakit.

Cara saringan boleh dilakukan dengan mengajukan soalan kepada ibubapa atau penjaga semasa mereka menghantar kanak-kanak. Bagi sesetengah gejala, pemeriksaan boleh dilakukan jika pengendali mampu melakukannya, seperti mengambil suhu badan kanak-kanak menggunakan *thermometer* bagi kanak-kanak yang demam (jangkasuhu (*thermometer*) dahi atau telinga atau *digital*) dan melihat tanda-tanda penyakit-penyakit berjangkit seperti di dalam Lampiran 2.

Gejala yang perlu disaring adalah seperti berikut:


DITANYA	DIPERIKSA (jika boleh)
Demam	Suhu >37.5
Selsema	Hidung berhingus
Batuk	Batuk
Cirit birit	
Ruam / lepuh / kudis	Ruam / lepuh / kudis
Sakit mata	mata merah atau mati bertahi

Jika penyakit kanak-kanak telah dipastikan oleh doktor sebagai penyakit berjangkit, kanak-kanak tersebut tidak boleh dibenarkan sama sekali untuk hadir ke premis sehingga habis tempoh jangkitan. Dapatkan nasihat dari pejabat kesihatan terdekat jika perlu.

Jika pengendali mengesyakki kanak-kanak dijangkiti penyakit berjangkit semasa berada di dalam premis, pengendali perlu menghubungi ibubapa kanak-kanak tersebut



### Carta alir saringan kanak-kanak



### 3.5 Polisi Pengecualian

Pihak pengendali premis dicadangkan agar menyediakan polisi pengecualian hadir ke pusat jagaan atau bimbingan sekiranya kanak-kanak mengidap sebarang penyakit berjangkit. Polisi hendaklah dimaklumkan dan diterangkan serta diedarkan kepada ibubapa dan penjaga kanak-kanak.

Gejala atau tanda-tanda jangkitan penyakit yang mempunyai risiko jangkitan kepada

kanak-kanak lain ialah:

- Demam.
- Cirit-birit.
- Muntah-muntah.
- Ruam dengan demam.
- Sakit tekak dengan demam dan kelenjar membengkak.
- Batuk yang teruk.
- Sakit mata.
- Sakit kuning / jaundis.
- Menangis tidak berhenti, memerlukan perhatian lebih dari biasa atau *irritable*.

### **3.6 Pengendalian kes penyakit berjangkit**

Kanak-kanak yang disyakki mengidap penyakit berjangkit semasa berada di pusat jagaan atau pusat bimbingan hendaklah dimaklumkan kepada ibubapa mereka dengan segera untuk mendapat rawatan doktor. Sementara menunggu kedatangan ibubapa mereka, kanak-kanak tersebut hendaklah diasingkan di bilik pengasingan dan tidak bercampur dengan kanak-kanak lain.

### **3.7 Melaporkan kes penyakit berjangkit**

Selain dari mengasingkan kanak-kanak yang disyakki mengidap penyakit berjangkit dan memaklumkan kepada ibubapa atau penjaga kanak-kanak, pengendali premis juga dikehendaki memaklumkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah terdekat untuk tindakan lanjut. Pihak kesihatan akan membuat pemeriksaan lanjut atau memberi nasihat pencegahan dan kawalan yang berpatutan. Sila rujuk lampiran 6 untuk nombor telefon pejabat kesihatan di kawasan anda.

### **3.8 Penutupan premis**

Penularan penyakit dapat dicegah dengan penutupan premis. Ia amat berkesan untuk penyakit-penyakit yang akut dan mudah merebak seperti:

- i. HFMD
- ii. Demam campak (measles)
- iii. Rubella
- iv. Begok (mumps)
- v. Kolera
- vi. Disentri

Penutupan premis bertujuan untuk

- i. mengurangkan kontak kes dengan kanak-kanak sihat yang lain.
- ii. memudahkan pembersihan dan disinfeksi premis.
- iii. memudahkan kerja-kerja penambahbaikan premis mengikut nasihat yang telah diberikan oleh pihak berkuasa.

Kerja-kerja pembersihan dan disinfeksi boleh menggunakan larutan *chlorox* seperti mana disarankan di dalam lampiran 3.

Penutupan premis boleh dilakukan menggunakan Akta Kawalan dan Pencegahan Penyakit Berjangkit 1988, Seksyen 18 atau *Prevention and Protection of Public Health Ordinance*, 1999 bagi Negeri Sarawak. Penutupan premis boleh dipertimbangkan jika terbukti premis tersebut menjadi punca penularan jangkitan

Kriteria penutupan premis adalah seperti di bawah:-

1. pengesanan kes secara aktif oleh pasukan kesihatan di premis tersebut membuktikan pengendali tidak membuat saringan dan pengasingan kes.
2. pengendali gagal membuat kerja pembersihan bagi mengelakkan rebakan penyakit.

## Lampiran 1.

### Cara Penyebaran Penyakit Berjangkit di kalangan Kanak-kanak

Cara Penyebaran	Penyakit
Sentuhan dengan kulit yang berpenyakit atau cecair tubuh seperti nanah.	<ul style="list-style-type: none"><li>▪ Chicken pox</li><li>▪ Konjuntivitis</li><li>▪ Kutu kepala</li><li>▪ Kudis buta (scabies dan impetigo)</li><li>▪ Kurap</li></ul>
Pernafasan termasuk kahak.	<ul style="list-style-type: none"><li>▪ Chicken pox</li><li>▪ Demam selesema</li><li>▪ Difteria</li><li>▪ Meningitis</li><li>▪ Penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD).</li><li>▪ Influenza</li><li>▪ Demam campak (measles)</li><li>▪ Begok</li><li>▪ Batuk kokol (Pertusis)</li><li>▪ Pneumonia</li><li>▪ Rubella</li></ul>
Pencemaran oleh najis.	<ul style="list-style-type: none"><li>▪ Cirit birit</li><li>▪ Enterovirus</li><li>▪ Penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD).</li><li>▪ Cacing</li><li>▪ Salmonella</li><li>▪ Hepatitis A</li><li>▪ Polio</li></ul>
Pencemaran darah.	<ul style="list-style-type: none"><li>▪ Hepatitis B</li><li>▪ Hepatitis C</li><li>▪ HIV / AIDS</li><li>▪ Cytomegalovirus</li></ul>

## Lampiran 2

PENYAKIT	GEJALA	TEMPOH ERAMAN	CARA REBAKAN	TEMPOH JANGKITAN	PENCEGAHAN DAN KAWALAN	NOTIFIKASI KEPADA PEJ. KESHATAN DAERAH	CATATAN
Rubella	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Demam, sakit kepala, lemah lesu, batuk, sakit tekak.</li> <li>▪ Kelenjar di bahagian belakang leher dan telinga.</li> <li>▪ Ruam bermula di muka, dan demam menurun.</li> <li>▪ Gejala beransur hilang apabila muncul ruam.</li> </ul>	2 ke 3 minggu	Pernafasan, Sentuhan	Seminggu sebelum hingga 4 hari selepas munculnya ruam	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pelalian (MMR)</li> <li>▪ Asingkan kanak-kanak dengan gejala di rumah.</li> <li>▪ Elakkan dari terdedah kepada wanita mengandung.</li> </ul>	Tidak perlu KECUALI jika terdapat dua orang kanak-kanak atau lebih yang mempunyai gejala.	Kanak-kanak akan memperoleh ketahanan tubuh sepanjang hayat setelah mendapat jangkitan.
Demam campak (measles)	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Demam tinggi, batuk, selesema, konjunktivitis.</li> <li>▪ Ruam bermula di leher selepas 3 ke 4 hari demam. Demam terus tinggi apabila ruam muncul.</li> <li>▪ Ruam hilang selepas lima hari dan meninggalkan parut.</li> </ul>	7 ke 14 hari	Pernafasan, Sentuhan dengan hingus dan air liur.	Seketika (just before) sebelum hingga 4 hari selepas munculnya ruam	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pelalian (MMR)</li> <li>▪ Asingkan kanak-kanak dengan gejala di rumah.</li> </ul>	Ya walaupun SEORANG.	Kanak-kanak boleh mendapat komplikasi jangkitan terutama pneumonia.

PENYAKIT	GEJALA	TEMPOH ERAMAN	CARA REBAKAN	TEMPOH JANGKITAN	PENCEGAHAN DAN KAWALAN	NOTIFIKASI KEPADA PEJ. KESHATAN DAERAH	CATATAN
Batuk kokol (pertussis)	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Demam dan batuk.</li> <li>▪ Dalam tempoh satu ke 2 minggu batuk menjadi 'whoop'.</li> <li>▪ Muntah sering berlaku akibat batuk teruk ini.</li> </ul>	6 ke 20 hari	Lendir nasofaring, Sentuhan langsung, pernafasan	Seminggu selepas terdedah kepada bakteria sehingga 3 minggu selepas timbul gejala.	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pelalian DPT.</li> <li>▪ Jangan benarkan kanak-kanak yang disahkan dijangkiti bakteria datang ke pusat.</li> </ul>	Ya walaupun SEORANG.	Selalunya kes didiagnos di hospital selepas pengesanan makmal.
Difteria	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Demam, sakit tekak, hidung berhingus, suara serak dan letih lesu.</li> <li>▪ Kelenjar membesar di bahagian belakang leher.</li> <li>▪ Membran ke hijauan terdapat di tekak.</li> </ul>	2 ke 5 hari	Sentuhan langsung.	Dua ke 3 minggu selepas timbul gejala.	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pelalian DPT.</li> <li>▪ Jangan benarkan kanak-kanak yang disahkan dijangkiti bakteria datang ke pusat.</li> </ul>	Ya walaupun SEORANG.	Selalunya kes didiagnos di hospital selepas pengesanan makmal.
Chickenpox	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Demam selama sehari ke dua hari.</li> <li>▪ Diikuti lepuh di kulit, jarang terdapat di tapak tangan dan kaki.</li> <li>▪ Lepuh terdapat dalam berbagai peringkat</li> </ul>	10 ke 21 hari	Pernafasan, sentuhan langsung dengan lepuh.	Sehari ke dua hari sebelum lepuh sehingga 6 hari selepas timbul lepuh.	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Jangan benarkan kanak-kanak yang disahkan dijangkiti bakteria datang ke pusat.</li> <li>▪ asingkan dari kanak-kanak lain.</li> </ul>	Tidak perlu KECUALI jika terdapat dua orang kanak-kanak atau lebih yang mempunyai gejala.	Kanak-kanak akan memperoleh ketahanan tubuh sepanjang hayat setelah mendapat jangkitan.

PENYAKIT	GEJALA	TEMPOH ERAMAN	CARA REBAKAN	TEMPOH JANGKITAN	PENCEGAHAN DAN KAWALAN	NOTIFIKASI KEPADA PEJ. KESHATAN DAERAH	CATATAN
Begok (mumps)	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Demam, letih lesu, sakit kepala selama dua ke 3 hari.</li> <li>▪ Diikuti oleh bengkak kelenjar liur di bawah dan belakang telinga.</li> <li>▪ Ia menyebabkan sakit dan sukar menelan.</li> </ul>	12 ke 25 hari	Pernafasan.	Seminggu sebelum sehingga 10 hari selepas pembengkakan kelenjar liur.	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pelalian MMR.</li> <li>▪ Jangan benarkan kanak-kanak yang disahkan dijangkiti virus ini datang ke pusat.</li> <li>▪ Jika menghadiri pusat, asingkan dari kanak-kanak lain.</li> </ul>	Tidak perlu KECUALI jika terdapat dua orang kanak-kanak atau lebih yang mempunyai gejala.	
Hepatitis A	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Demam, letih lesu, sakit kepala, sakit perut, loya, cirit birit.</li> <li>▪ Diikuti oleh kuning kulit dan mata putih, kencing berwarna teh gelap dan najis yang pucat..</li> </ul>	15 ke 50 hari	Percemaran najis kepada makanan dan minuman..	Dua ke 3 minggu sebelum sehingga seminggu selepas bermula gejala.	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Amalkan kebersihan diri.</li> <li>▪ Elakkan mengambil makanan mentah dan makanan laut separuh masak.</li> <li>▪ Pastikan pembekal makanan bersih danutamakan kebersihan.</li> </ul>	Ya walaupun SEORANG.	

PENYAKIT	GEJALA	TEMPOH ERAMAN	CARA REBAKAN	TEMPOH JANGKITAN	PENCEGAHAN DAN KAWALAN	NOTIFIKASI KEPADA PEJ. KESHATAN DAERAH	CATATAN
Hepatitis B	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Demam ringan, letih lesu, loya, kencing berwarna teh gelap.</li> <li>▪ Ramai yang tidak menunjukkan gejala.</li> </ul>	30 ke 180 hari, lazimnya 60 ke 90 hari	Suntikan darah, dari ibu kepada kandungan, hubungan seksual.	Beberapa minggu sebelum gejala sehingga bertahun-tahun jika kanak-kanak menjadi pembawa virus.	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pelalian hepatitis B.</li> </ul>	Ya walaupun SEORANG.	Penyakit boleh menyebabkan kegagalan hati dan kanser jika ia menjadi pembawa kronik.
Poliomyelitis	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Demam, sakit otot, sakit kepala, loya, muntah, tegang tengkok dan tulang belakang, paralysis flacid anggota badan.</li> <li>▪ Kes yang teruk menyebabkan sukar bernafas, bercakap dan menelan, kekeliruan (confusion), sawan dan maut.</li> </ul>	7 ke 14 hari.	Pencemaran dengan najis kes, pernafasana .	Beberapa hari sebelum dan selepas gejala.	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pelalian Oral Polio (OPV)</li> </ul>	Ya walaupun SEORANG.	Selalunya kes didiagnos di hospital selepas pengesanan makmal.



PENYAKIT	GEJALA	TEMPOH ERAMAN	CARA REBAKAN	TEMPOH JANGKITAN	PENCEGAHAN DAN KAWALAN	NOTIFIKASI KEPADA PEJ. KESHATAN DAERAH	CATATAN
Meningitis	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Didahului oleh demam tinggi, tegang tengkok, muntah.</li> <li>▪ Diikuti dengan sawan dan tidak sedar diri (Stupor).</li> <li>▪ Bagi kanak-kanak di bawah umur 2 tahun, ubun-ubunnya menonjol dan tegang.</li> </ul>	30 ke 180 i.hari, lazimnya 60 ke 90 har	Pernafasan, sentuhan langsung.	Sehingga sembuh.	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pelalian hanya untuk <i>Nesseria meningitis</i> tetapi hanya diberi kepada mereka yang akan mengerjakan haji.</li> <li>▪ Pelalian <i>Haemophilus influenzae</i> b.</li> </ul>	Ya walaupun SEORANG.	Selalunya kes didiagnos di hospital selepas pengesanan makmal.
Penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD)	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Demam, ulser di dalam mulut, ruam, lepuh di tapak tangan dan kaki.</li> <li>▪ Boleh menyebabkan sawan, muntah dan / atau cirit birit.</li> </ul>	2 – 5 hari	Sentuhan langsung, peralatan tercemar dengan najis atau air liur kes.	Sehingga sembuh.		Ya walaupun SEORANG.	Boleh menyebabkan komplikasi jantung dan otak.

PENYAKIT	GEJALA	TEMPOH ERAMAN	CARA REBAKAN	TEMPOH JANGKITAN	PENCEGAHAN DAN KAWALAN	NOTIFIKASI KEPADA PEJ. KESHATAN DAERAH	CATATAN
Demam denggi	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Demam tinggi, sakit kepala, sakit belakang, sakit otot, ruam.</li> <li>▪ Boleh menyebabkan pendarahan (gusi, hidung, di bawah kulit), mudah lebam.</li> </ul>	3 – 10 hari	Gigitan nyamuk <i>Aedes</i> yang mempunyai virus denggi.	Dalam tempoh 5 hari selepas demam.	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Hapuskan tempat-tempat yang boleh berlaku pembiakan nyamuk dengan menghapuskannya, kerap membersihkan -nya, meletakkan abate ke dalamnya, menutupnya, memastikan air mengalir.</li> </ul>	Ya walaupun SEORANG.	
Sakit mata (conjunctivitis)	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Mata merah dan bertahi, gatal</li> </ul>	Mengikut agen penyebab	Tercemar dengan cecair dari mata yang sakit – kontak langsung atau tidak langsung	Selama kes mempunyai rembesan mata	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pastikan tidak berkongsi tisu atau saputangan yang tercemar dengan cecair mata kes.</li> <li>▪ Asingkan kanak-kanak.</li> <li>▪ Dapatkan rawatan</li> </ul>	Tidak perlu KECUALI jika terdapat dua orang kanak-kanak atau lebih yang mempunyai gejala.	

<b>PENYAKIT</b>	<b>GEJALA</b>	<b>TEMPOH ERAMAN</b>	<b>CARA REBAKAN</b>	<b>TEMPOH JANGKITAN</b>	<b>PENCEGAHAN DAN KAWALAN</b>	<b>NOTIFIKASI KEPADA PEJ. KESHATAN DAERAH</b>	<b>CATATAN</b>
Kudis buta (Impertigo)	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kudis di kulit</li> </ul>		Kontak langsung dengan bahan-bahan tercemar dengan cecair dari kudis.		<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pastikan kanak-kanak mendapatkan rawatan.</li> <li>▪ Jangan berkongsi pakaian, tuala dan sebagainya dengan kes.</li> </ul>	Tidak perlu.	
Influenza (demam selesema)	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Demam</li> <li>▪ Batuk</li> <li>▪ Sakit tekak</li> <li>▪ Selsema</li> </ul>	2 ke 5 hari	Pernafasan, sentuhan langsung	Sebelum gejala dan selepas gejala sehingga seminggu	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Asingkan kanak-kanak.</li> <li>▪ Dapatkan rawatan</li> </ul>	Tidak perlu KECUALI jika terdapat dua orang kanak-kanak atau lebih yang mempunyai gejala.	
Kutu kepala	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Gatal kulit kepala</li> <li>▪ Kelihatan telur kutu di rambut</li> </ul>				<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pastikan kanak-kanak mendapatkan rawatan.</li> </ul>	Tidak perlu.	

PENYAKIT	GEJALA	TEMPOH ERAMAN	CARA REBAKAN	TEMPOH JANGKITAN	PENCEGAHAN DAN KAWALAN	NOTIFIKASI KEPADA PEJ. KESHATAN DAERAH	CATATAN
Cirit-birit	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Muntah</li> <li>▪ Cirit-birit</li> </ul>	Mengikut agen penyebab	Termakan atau terminum makanan dan minuman yang tercemar.		<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pastikan kanak-kanak mendapatkan rawatan.</li> </ul>	Tidak perlu KECUALI jika terdapat dua orang kanak-kanak atau lebih yang mempunyai gejala yang sama.	
Kurap ( <i>ringworm</i> )	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Tanda jangkitan berbentuk bulat atau hampir bulat di kulit, dengan pinggirannya yang tertimbul.</li> <li>▪ Gatal</li> </ul>		Tersentuh atau berkongsi pakaian, tuala atau tempat tidur dengan penghidap.		<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pastikan kanak-kanak mendapatkan rawatan.</li> <li>▪ Jangan berkongsi barang persendirian.</li> </ul>	Tidak perlu.	

### Lampiran 3

#### Disinfeksi dan pembersihan permukaan, pakaian dan peralatan

Bahan	Tujuan	Larutan yang disarankan	Paras klorin dalam larutan
<i>Chlorox</i>	Membersihkan rembesan air liur, nanah dan lain-lain; di lantai dan permukaan	Campurkan satu (1) bahagian <i>chlorox</i> dengan 99 bahagian air paip.	0.05% atau 500 ppm
	Campuran kepada pakaian yang tercemar. Merendam mainan atau peralatan lain.	Campurkan satu (1) bahagian <i>chlorox</i> dengan 500 bahagian air paip.	0.01% atau 100 ppm

**Nota:** Larutan *chlorox* tidak boleh disimpan kerana kekuatan bancuhan akan berkurangan apabila telah bercampur dengan bahan organik atau setelah digunakan.

